

04 FEB 1998

Harrods

HARRODS MEMBUKA CAWANGANNYA DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Gedung membeli belah terkemuka di United Kingdom, Harrods, akan membuka cawangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang dijadualkan mula beroperasi pada April ini.

Ia juga akan memasarkan beberapa produk buatan Malaysia di gedungnya di United Kingdom melalui kerjasama dengan beberapa syarikat Malaysia, menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan sebelum persidangan berita oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemilik Harrods, jutawan Mohamed Al-Fayed, di sini, hari ini.

Produk-produk Malaysia itu termasuk 500 unit kenderaan padang golf yang dikilangkan oleh anak syarikat Tenaga Nasional, Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM) Sdn Bhd.

Harrods juga akan memasarkan peralatan elektrik jenama MEC dan juga pakaian yang dikeluarkan oleh Puncak Intan Sdn Bhd.

Kenderaan padang golf berkuasa elektrik "Eleksuria" yang dilancarkan oleh Dr Mahathir Disember lepas menerima perhatian semasa ia di pameran Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima) 1997.

POEM merupakan usahasama antara Tenaga Nasional dan Frazer-Nash Research Ltd di United Kingdom.

Esok, Al Fayed akan melawat kilang Malaysia Electric Corporation (MEC) di Kuantan yang mengeluarkan kelengkapan elektrik isi rumah.

Jutawan Mesir itu tiba di negara ini semalam atas undangan Dr Mahathir dan beliau di bawa ke Langkawi semalam untuk meninjau peluang-peluang pelaburan di pulau percutian legenda itu.

Beliau juga melawat projek KLIA hari ini dan diberi taklimat mengenai kemudahan di lapangan terbang bernilai RM9 bilion itu oleh pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail. -- BERNAMA

ARA PR